

NO SOALAN : 126

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN
SRI DATO' MOHD YAZID
(KUALA KANGSAR)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan terhadap peluang dan keuntungan kepada Latihan Penilaian Pengiktirafan Pembelajaran melalui Pengalaman (RPEL) kepada bakal pesara tentera kelompok B40 dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia yang akan diwujudkan nanti.

JAWAPAN:

Pelaksanaan Program *Recognition Prior Experiential Learning* (RPEL) telah dilancarkan pada 2 Februari 2017 melalui pemeeteraian MoU antara Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sejak program ini dilancarkan, seramai 71 bakal dan veteran ATM masih dalam proses saringan bagi menentukan syarat kelayakan dipenuhi, manakala seramai 229 bakal dan Veteran ATM telah menunjukkan minat mengikuti program ini.

Peluang dan keuntungan kepada Latihan Penilaian Pengiktirafan Pembelajaran melalui Pengalaman (RPEL) kepada bakal pesara tentera kelompok B40 dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a. Pengiktirafan kepada pengetahuan yang dipelajari melalui pengalaman dan pencapaian terdahulu;
- b. Peluang kepada veteran ATM memulakan kerjaya kedua tanpa pendidikan formal;

- c. Meningkatkan ketrampilan serta kelayakan akademik mereka melalui RPEL, dimana mereka akan diberi pengiktirafan hingga ke tahap Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau tahap 4 Sijil Kemahiran Malaysia;
- d. Mendapat pensijilan bagi tempoh yang singkat iaitu satu hingga lima bulan tanpa perlu mengikuti kursus formal yang mengambil masa selama 2 tahun;
- e. Berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, terutamanya bagi mereka yang masih muda dan tidak berpencen; dan
- f. Kebolehpasaran pekerjaan yang lebih baik malah berpendapatan tinggi.

Secara tidak langsung, penyertaan bakal pesara dan veteran ATM dari kelompok B40 akan membantu meningkatkan taraf hidup, memperbaiki kesejahteraan dan kualiti kehidupan mereka.